

**HIMPUNAN SOALAN SEJARAH KERTAS 1
PERCUBAAN SPM NEGERI 2024
(SMKA/MELAKA/PERAK/P.PINANG/N9/KEDAH/PERLIS/PUTRAJAYA/KL/JOHOR-KOTA TINGGI, PASIR GUDANG,
MUAR/SARAWAK - SERIAN, BINTULU/ YIK)**

SEJARAH TINGKATAN 4

BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

1. Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu

- Raja
- Undang-undang
- X
- Rakyat

Apakah X?

- A. Kedaulatan
- B. Pembesar
- C. Lambang Kebesaran
- D. Wilayah pengaruh

2. Sultan Melaka telah mengurniakan kawasan kepada Pembesar Berempat.


Apakah gelaran kawasan tersebut?

- A. Kawasan jajahan
- B. Kawasan kawalan
- C. Kawasan anugerah
- D. Kawasan pegangan

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan bagi sesebuah negara?

- A Kepatuhan undang-undang
- B Kekuasaan tertinggi
- C Ketinggian budaya
- D Kekuatan bangs

4. Rajah berikut berkaitan ciri rakyat dalam Kerajaan Melayu Melaka.



Apakah X?

- A Mentadbir wilayah pegangan
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Mematuhi undang-undang kerajaan
- D Melaksanakan pungutan cukai

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- Kerajaan

Apakah bukti kewujudan ciri tersebut?

- A Kewujudan raja
- B Ketaatan rakyat
- C Kewujudan pembesar
- D Kemajuan perdagangan

6. Dalam Hukum Kanun Melaka, urusan kekeluargaan dapat diberi perhatian.

Apakah matlamat undang-undang kekeluargaan ini?

- A Memastikan ketua keluarga bertanggungjawab
- B Memastikan keharmonian dalam keluarga
- C Memastikan adat adat pernikahan di patuhi
- D Mengelakkan masalah keruntuhan akhlak

7. Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka memperkenalkan aspek berikut?

- Lambang kebesaran

- A. Menghalang kemasukan budaya asing
- B. Merupakan identiti sesebuah kerajaan
- C. Menyebarkan kebudayaan Melayu di Alam Melayu
- D. Memastikan keamanan negara terjamin

8. Rajah berikut merupakan fasal yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka.

Jenayah
Ekonomi
kekeluargaan
X

Apakah X?

- A. Percukaian
- B. Perkahwinan
- C. Peranan sultan dan pembesar
- D. Peranan nakhoda

9. Rajah berikut berkaitan perubahan gelaran yang digunakan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka

Raja. _____ Sultan

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Pengaruh golongan bangsawan
- B Penaklukan kerajaan Aceh

C Kesan kedatangan Islam
D Keluasan wilayah pengaruh

10. Apakah kepentingan lambang kebesaran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka berikut?

- Warna
 - Nobat
 - Regalia
- A Menggambarkan kedaulatan raja
 - B Melambangkan kekayaan pemerintah
 - C Menunjukkan kesaktian raja memerintah
 - D Memperlihatkan salasilah keturunan raja

11. Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu sebelum kedatangan Barat?

- A Kerajaan
- B Kedaulatan
- C Wilayah pengaruh
- D Lambang kebesaran

12. Apakah peranan pembesar peringkat jajahan dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menguruskan pentadbiran negara
- B Menjadi pemangku sultan
- C Mewujudkan perpaduan
- D Menjaga keamanan

13. Maklumat berikut berkaitan undang-undang dalam kerajaan Alam Melayu.

- Kutara Manawa

Namakan kerajaan yang mengamalkan undang-undang tersebut.

- A Kerajaan Funan
- B Kerajaan Champa
- C Kerajaan Srivijaya
- D Kerajaan Majapahit

14 Ciri-ciri negara bangsa yang telah diwarisi dari kerajaan Alam Melayu telah memperkukuh kerajaan Srivijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Johor-Riau.

Apakah nilai yang boleh kita peroleh daripada pernyataan tersebut.

- I Berkomunikasi sesama kaum
 - II Bertoleransi antara pelbagai bangsa
 - III Bekerjasama mempertahankan warisan
 - IV Bergotong-royong menjaga kebersihan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Apakah fungsi undang-undang dalam kerajaan Alam Melayu?

- A Membentuk negara bangsa
- B Memperaku pemerintahan raja
- C Memperluas wilayah pengaruh
- D Menjamin kesejahteraan kerajaan


16 Bagaimanakah golongan pembesar menjaga kebajikan rakyat di kawasan pegangan?

- A Membina petempatan
- B Memperkenalkan cukai
- C Memelihara keamanan
- D Menguatkan pertahanan

17. Mengapakah undang-undang dilaksanakan oleh kerajaan Majapahit?

- A Menjamin kesejahteraan
- B Menentukan corak pentadbiran
- C Menyekat pengaruh kerajaan luar
- D Menetapkan sempadan antara negeri

18 Rajah berikut berkaitan dengan perundangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah persamaan undang-undang tersebut?

- A Menetapkan tugas raja dan pembesar
- B Mengandungi peraturan kekeluargaan
- C Menjelaskan hukuman perbuatan jenayah
- D Menghuraikan pantang larang dalam masyarakat

19. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka

- Hasil cukai perdagangan
- Cukai
- Ufti

Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hasil perbendaharaan kerajaan?


- A Bendahara
- B Syahbandar
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

20 Antara berikut, yang manakah peranan seorang pembesar dalam sesebuah pentadbiran?

Apakah X?

- A Mewujudkan perpaduan rakyat
- B Mengutip hasil melalui sistem serah
- C Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang
- D Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat neger

21. Rajah 1 berikut menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



Rajah 1

Apakah X?

- A Kedaulatan
- B Perlembagaan
- C Undang-undang
- D Lambang kebesaran

22. Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka mendapatkan wilayah pengaruh berikut?

- Lingga
- Patani

- A Naungan
- B Taklukan
- C Perdagangan
- D Perkahwinan

23. Antara yang berikut, manakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?

- A Sultan
- B Kerajaan
- C Undang-undang
- D Lambang kebesaran

24. Apakah peranan seorang pembesar dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mewujudkan perpaduan rakyat
- B Menggubal undang-undang negara
- C Menunjukkan taat setia kepada pemerintah
- D Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat

25. Maklumat berikut berkaitan kerajaan Srivijaya.

- Air yang dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu ditadah dan diminum oleh rakyat

Apakah tujuan amalan tersebut diadakan ?

- A Membuktikan kekuatan
- B Menunjukkan kesetiaan
- C Mendapatkan kepercayaan
- D Mengukuhkan pegangan agama

26. Maklumat berikut berkaitan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka.

- Rokan
- Kampar
- Inderagiri

Kerajaan Melayu Melaka memperoleh kawasan tersebut melalui

- A penaklukan
- B perkahwinan
- C perdagangan
- D pengislaman

27. Undang-undang Kutara Manawa telah diguna pakai di Kerajaan Alam Melayu.

Apakah Kerajaan tersebut?

- A Kerajaan Funan
- B Kerajaan Srivijaya
- C Kerajaan Majapahit
- D Kerajaan Kedah Tua

28. Apakah tugas pembesar peringkat jajahan dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran
- B Menguruskan hasil perbendaharaan
- C Mengetuai permuafakatan
- D Menasihati sultan

29. Apakah ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?

- A Kerajaan
- B Lambang
- C Kedaulatan
- D Undang-undang

30. Amalan berikut adalah amalan rakyat kerajaan Srivijaya.

- Rakyat meminum air sumpah yang dialirkan dari Inskripsi Telaga Batu

Apakah faktor mereka berbuat demikian?

- A Membuktikan kesetiaan
- B Memperakui pemerintahan
- C Mengagungkan pemerintah
- D Mengangkat kedudukan raja

BAB 2. KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Mahatma Ghandi menjadikan satyagraha sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India
Bagaimanakah satyagraha mempengaruhi gerakan nasionalisme di negara tersebut?

- A Bergerak secara radikal
- B Berjuang secara gerila
- C Berjuang tanpa keganasan
- D Berunding dengan penjajah

2. Persaudaraan Sahabat Pena atau PASPAM telah ditubuhkan pada tahun 1934 di Pulau Pinang.
Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut?

- A Menghasilkan penulisan kesedaran nasionalisme
- B Menggalakkan ahlinya bersatu padu
- C Mengumpulkan golongan
- D Menuntut kemerdekaan

3. Peristiwa berikut berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan 18.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Kebebasan bergerak disekat
- B Pentadbiran komunis bermula
- C Ekonomi kawalan dilaksanakan
- D Sistem raja berkuasa mutlak berakhir

4. Maklumat berikut merujuk pertubuhan yang diasaskan oleh Jose Rizal pada tahun 1892.

- Liga Filipina

Mengapakah pertubuhan tersebut diasaskan?

- I Menuntut persamaan hak
 - II Memajukan sistem pendidikan
 - III Mendapatkan kebebasan bersuara
 - IV Mendesak perubahan dilaksanakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5. Mengapakah Mahatma Gandhi menggunakan pegangan berikut dalam menentang penjajah di India?

- *Satyagraha* sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme

- A Bersama mempertahankan raja
- B Bersatu padu menghalau penjajah
- C Berkorban demi tanah air tercinta
- D Berpegang teguh kepada kebenaran

6. Apakah cabaran tokoh berikut dalam menggerakkan pertubuhan sosioekonomi bagi menyemarakkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu?

Ishak Haji Muhammad
Ibrahim Haji Yaakob

- I Masalah kewangan
 - II Sekatan undang-undang
 - III Kurang sambutan masyarakat
 - IV Sistem perhubungan terhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7. Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) merupakan antara institusi pendidikan yang menyemarakkan nasionalisme menentang penjajah.

Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?

- A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
- B Melahirkan golongan yang memimpin rakyat
- C Mendedahkan pelajar dengan pemodenan Islam
- D Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat

8 Penulisan novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk di negara kita.

Apakah faktor yang mendorong kejayaan ini?

- A Penulisan bertemakan anti imperialisme
- B Penulisan bertemakan kemajuan ekonomi
- C Penulisan bertemakan semangat cinta negara
- D Penulisan bertemakan perjuangan pendidikan

9 Maklumat berikut berkaitan perkembangan idea nasionalisme di Barat.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Mengapakah revolusi tersebut berlaku?

- A Mengukuhkan kuasa tentera
- B Mengelakkan penjajahan asing
- C Menentang pemerintahan beraja
- D Menuntut kemerdekaan wilayah

10 Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- Harun Aminurrashid
- Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)

Bagaimanakah tokoh tersebut berjaya meningkatkan semangat nasionalisme

dalam kalangan rakyat?

- A Menubuhkan persatuan politik
- B Menghasilkan penulisan kreatif
- C Melahirkan golongan intelektual
- D Memodenkan sistem pendidikan

11 Jose Rizal menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol.

Bagaimanakah beliau berusaha mencapai tuntutan tersebut?

- A Menubuhkan Katipunan
- B Membentuk Liga Filipina
- C Melancarkan gerakan revolusi
- D Menyebarkan idea melalui akhbar

12 Jadual berikut berkaitan dengan langkah pemodenan pentadbiran di Thailand.

Pemerintah Thailand	Tindakan
Raja Mongkut	Melaksanakan birokrasi Barat
Raja Chulalongkorn	

Mengapakah pemerintah di atas melaksanakan tindakan tersebut?

- A Persaingan kuasa besar
- B Pemantapan kuasa pentadbiran
- C Pengekalan kedaulatan negara
- D Penguasaan ekonomi oleh pembesar

13. Revolusi Keagungan tercetus semasa pemerintahan Raja James II.

Mengapakah revolusi ini berlaku di England?

- A Memperkukuhkan kedudukan raja
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Mengembalikan kuasa pembesar
- D Memperjuangkan hak sama rata

14. Mengapakah Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada abad ke 18?

- A Mendapatkan Pulau Pinang
- B Mengembalikan kuasa raja
- C Menghapuskan amalan cukai
- D Mengukuhkan sistem tentera

15. Apakah yang diperjuangkan oleh revolusi berikut?

- Revolusi Amerika (1776)
- A. Menentang raja berkuasa mutlak
- B. Menentang kuasa parlimen
- C. Memperjuangkan hak rakyat
- D. Menentang penindasan penjajah

16. Maklumat berikut menunjukkan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu?

Penulis	Karya
Abdullah Sidek	Mari Kita Berjuang

Apakah mesej yang disampaikan dalam penulisan novel tersebut?

- A. Meningkatkan ekonomi
- B. Semangat cintakan tanah air
- C. Hak dan keistimewaan peribumi
- D. Kepentingan mempelajari Bahasa Melayu

17. Siapakah tokoh sejarawan yang memberikan tafsiran berkaitan pengertian nasionalisme berikut?

Kita hendaklah melahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri.

- A Hans Kohn
- B Dato' Onn Jaafar
- C Dr. R. Suntharalingam
- D Profesor William R. Roff

18. Apakah yang didedahkan dalam karya berikut?

- Raden Adjeng Kartini
- Hilang Gelap Terbitlah Terang
 - Letters of a Javanese Princess

- A Ketidakadilan undang-undang
- B Kelemahan pemerintahan
- C Kemerosotan ekonomi
- D Kemunduran rakyat

19. Maklumat berikut menjelaskan tentang Pemberontakan Saya San.

- Pemberontakan Saya San (1930-1932)
- Diketuai oleh Saya San, seorang pongyi
 - Mendapat sokongan daripada golongan petani

Mengapakah golongan petani menyokong pemberontakan tersebut?

- A Dikenakan kerahan tenaga
- B Dipaksa menyerahkan tanah
- C Dibebankan pelbagai jenis cukai
- D Dihalang mengusahakan tanaman dagangan

20. Apakah persamaan ciri perjuangan tokoh berikut?

- Penghulu Dol Said
- Dato' Bahaman
- Tok Janggut

- A Bekerjasama dengan penjajah
- B Memperjuangkan hak asasi
- C Menuntut kemerdekaan
- D Bersifat setempat

21. Nasionalisme di Burma (Myanmar) bermula apabila golongan Thakin menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906. Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut?

- A. Mengekalkan tradisi Buddha
- B. Melancarkan revolusi
- C. Memperjuangkan kemerdekaan
- D. Membela nasib golongan pelajar

22. Senarai berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Haji Muhammad.

- Anak Mat Lela Gila
- Putera Gunung Tahan

Bagaimanakah Pak Sako memberikan kesedaran nasionalisme kepada penduduk di Tanah Melayu?

- I Menyindir penjajah
 - II Memperjuangkan Pendidikan orang Melayu
 - III Mengadakan ceramah umum
 - IV Mengingatkan kepentingan kebebasan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

23. Senarai tokoh berikut merupakan pejuang nasionalisme di negara kita.

- Za'ba
- Fatimah Yaakub
- Abdul Rahim Kajai

Bagaimanakah tokoh tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

- A Penubuhan madrasah
- B Penerbitan majalah
- C Penulisan kreatif
- D Penyebar berita

24. Akhbar Al-Imam	Tahun Diterbitkan 1906
-----------------------	---------------------------

Apakah yang disarankan oleh golongan ulama melalui penerbitan akhbar tersebut?

- A Kesepakatan perpaduan
- B Kerjasama dengan barat
- C Kewajipan membayar zakat
- D Kembali kepada Islam sebenar

25. Mengapakah gerakan nasionalisme di Amerika yang berlaku pada tahun 1776 teretus?

- A Mempertahankan sistem pemerintahan demokrasi
- B British tidak melindungi hak penduduk
- C Menegakkan kedaulatan berparlimen
- D Perkembangan fahaman anti-British

26 Kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi merupakan wadah untuk mengungkapkan keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat



Apakah kepentingan penulisan kreatif seperti rajah di atas?

- A Menyeru ajaran Islam
- B Memperkuat rasa persaudaraan antara rakyat
- C Menggerakkan penentangan terhadap penjajah
- D Mengingatkan anak bangsa tentang nikmat kebebasan

27. Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Thailand?

- A Mengukuhkan kedaulatan negara
- B Menentang sekularisme kuasa Barat
- C Menghapuskan penjajahan kuasa asing
- D Mengekalkan sistem raja berkuasa mutlak

28 Gambar 1 ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) iaitu seorang tokoh nasionalis di Tanah Melayu pada abad ke-20



Gambar 1

Bagaimanakah beliau menyebarkan idea nasionalisme ?

- 1 Menggunakan akhbar
 - II Menulis karya kreatif
 - III Membentuk parti politik
 - IV Membangunkan madrasah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29. Apakah idea yang diutarakan dalam karya Two Treatises of Government yang dihasilkan oleh John Locke?

- A Menghapuskan sistem feudal
- B Mengekalkan kuasa raja tradisional
- C Mengukuhkan pemerintahan monarki
- D. Menolak konsep raja berkuasa mutlak

30 Bagaimanakah nasionalis di Filipina berjaya mengusir Sepanyol dari negara mereka?

- A Bekerjasama dengan Amerika Syarikat
- B Melaksanakan Gerakan propaganda
- C Bergabung dengan Parti Komunis
- D Menubuhkan Parti Nasional

BAB 3 KONFLIK DUNIA

1. Yang manakah berikut merupakan kesan Perang Dunia Pertama?

- I. Keruntuhan pemerintahan beraja
 - II. Kemunculan negara baharu
 - III. Peluasan kuasa Jepun
 - IV. Pengeboman Britain
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

2. Tokoh-tokoh berikut telah berkorban demi negara dan bangsa.

- Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC
- Koperal Yaakob Bidin

Mengapakah mereka disanjung?

- A Berperang dengan komunis
- B Berjuang menhalau British
- C Berusaha menentang Jepun
- D Bekerjasama dengan Force 136

3. Deklarasi berikut diisytiharkan selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut ?

- A Kuasa mutlak raja dikurangkan
- B Saiz angkatan tentera dihadkan
- C Sempadan negara berasaskan bangsa
- D Kerajaan bercorak republik dilaksanakan

4 Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda.

Apakah ikhtibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut ?

- A Menghargai nikmat keamanan
- B Kesepakatan membawa berkat
- C Kekuatan tentera harus diutamakan
- D Pemimpin berwibawa asas kejayaan

5. Perjanjian Versailles menetapkan penubuhan organisasi berikut selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

Liga Bangsa-Bangsa

Apakah tujuan penubuhan organisasi tersebut?

- A Melindungi pelarian perang
- B Memastikan keamanan dunia
- C Memajukan negara miskin
- D Meningkatkan kerjasama ekonomi

6 Slogan berikut diperkenalkan oleh Jepun semasa memasuki Tanah Melayu.

- Semangat Asia
- Asia untuk Orang Asia
- Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

Apakah tujuan pelaksanaan slogan tersebut?

- A Memantapkan imej negara
- B Mencetuskan rasa gerun musuh
- C Mendapatkan sokongan rakyat
- D Meningkatkan semangat tentera

7. Pada tahun 1930-an, muncul golongan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “the Strait born people”

Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme di negara kita?

- A Memperjuang hak sama rata
- B Membentuk identiti tersendiri
- C Mengkritik dasar kerajaan kolonial

D Mengutamakan perkembangan ekonomi

8. Kekejaman tentera Jepun dan kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mencetuskan penentangan penduduk.

Apakah cara penentangan tersebut?

- A Menubuhkan Rejimen Askar Melayu
- B Menubuhkan Tentera Semut
- C Melancarkan Perang Saraf
- D Mengadakan demonstrasi

9. Maklumat berikut berkaitan Persidangan Damai Paris.

Persidangan ini melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah prinsip utama deklarasi tersebut?

- A Rakyat menentukan nasib negara
- B Kedaulatan berasaskan saiz tentera
- C Raja menentukan sempadan negara
- D Kekuasaan menjadi lambang kemegahan

10. Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan tinggi?

- I Mengatasi kekurangan pegawai
 - II Menjimatkan kos perbelanjaan
 - III Menjamin kelicinan pentadbiran
 - IV Mendapatkan sokongan penduduk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Mengapakah tercetusnya Perang Dunia Pertama?

- A Kehilangan tanah jajahan
- B Kemunculan ideologi baru
- C Kewujudan pakatan tentera
- D Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

12. Apakah kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- A Kemasukan idea pembaharuan
- B Kemunculan revolusi bersenjata
- C Perpaduan kaum diperkukuhkan
- D Perkembangan semangat antipenjajah

13. Antara berikut, yang manakah faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama pada 1914 sehingga 1918?

- I Pakatan ketenteraan
 - II Pembebasan tanah jajahan
 - III Pembentukan ideologi baharu
 - IV Persaingan kuasa imperialis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14. Gambar menunjukkan seorang askar Melayu yang telah berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita.



Koperal Yaakob Bidin

Mengapakah beliau dianugerahi pingat Military Medal?

- A Semangat keberanian
- B Semangat kesetiaan
- C Semangat kekitaan
- D Semangat ketaatan

15. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik.

Mengapakah perang tersebut berlaku?

- A. Perluasan ideologi komunis
- B. Keperluan bidang perindustrian
- C. Kegagalan perjanjian damai
- D. Pembunuhan bakal maharaja

16. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun.

Kekosongan politik berlaku di Tanah Melayu kerana kelewatan British kembali ke Tanah Melayu

Apakah kesan kelewatan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A. Penguasaan Bintang Tiga
- B. Kerjasama kaum diataskan
- C. Kemasukan tentera bersekutu
- D. Perebutan tampuk pemerintahan

17. Dialog berikut berkaitan kewujudan fahaman melampau yang menjadi pemangkin teretusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939 - 1945.



Apakah ideologi baharu yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- I Fasisme
- II Demokrasi
- III Komunisme
- IV Nazisme
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Maklumat berikut merujuk individu yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

- Cekal membantu mangsa perang dan gerila di Perak.
- Mengendalikan klinik di Ipoh.
- Memberi bantuan ubat-ubatan kepada gerila anti-Jepun.

Siapakah yang dapat dikaitkan dengan maklumat tersebut?

- A Albert Kwok
- B Gurchan Singh
- C Sybil Kathigasu
- D Leftenan Adnan

19. Poster propaganda tentera Jepun berikut tertera tulisan Jawi, "Ya Allah, terpeliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya".



Apakah tujuan poster propaganda tersebut dibuat?

- I. Mengembalikan hak rakyat
 - II. Menentang pelaksanaan cukai
 - III. Menanam semangat antipenjajah Barat
 - IV. Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20. Maklumat berikut merujuk individu yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

- Cekal membantu mangsa perang dan gerila di Perak.
- Mengendalikan klinik di Ipoh.
- Memberi bantuan ubat-ubatan kepada gerila anti-Jepun

Siapakah yang dapat dikaitkan dengan maklumat tersebut?

- A Albert Kwok
- B Gurchan Singh
- C Sybil Kathigasu
- D Leftenan Adnan

21. Kedatangan Jepun ke negara kita pada tahun 1941 disebabkan oleh beberapa faktor.

Apakah faktor tersebut?

- A. Ingin membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British
- B. Mengukuhkan dasar buka pintu Jepun
- C. Persaingan kuasa imperialism barat
- D. Memenuhi keperluan Perindustrian

22 Operasi Semut merupakan Gerakan Anti-Jepun yang berlaku di Sarawak yang merupakan sebahagian daripada kempen tentera Bersekutu menentang Jepun.

Apakah strategi yang dijalankan dalam Operasi Semut ini?

- I Melakukan pemberontakan bersenjata
 - II Melakukan sabotaj
 - III Melancarkan perang gerila
 - IV Mengumpulkan risikan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

23. Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan kepada Pakatan Bertiga dalam Perang Dunia Pertama.

Persidangan Damai Paris melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson, iaitu cadangan Presiden Amerika Syarikat sebagai asas perdamaian.

Apakah prinsip utama deklarasi di atas?

- A Perjanjian pelucutan senjata.
- B Memperjuangkan kedaulatan negara.
- C Sempadan negara berasaskan bangsa.
- D Penentuan nasib negara oleh raja sendiri.

24 Yang manakah bukan cabaran Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama?

- A Krisis Habsyah
- B Krisis Manchuria
- C Krisis Rantau - Balkan
- D Perjanjian Pelucutan Senjata

25. Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan keamanan dunia mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua.

Apakah krisis-krisis yang gagal ditangani oleh liga tersebut?

- I Penaklukan Jepun ke atas Manchuria
- II Pencerobohan Itali di wilayah Poland
- III Kemunculan negara baharu yang tidak terkawal
- IV Keingkaran Jerman mematuhi Perjanjian Versailles

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Mengapakah Jerman melancarkan Operasi Barbarossa setelah menguasai Eropah Barat?

- A Bagi mengadakan gerakan politik radikal
- B Bagi menjejaskan ekonomi Britain
- C Bagi menakluki negara Perancis
- D Bagi menawan Rusia

27. Antara berikut yang manakah faktor Perang Dunia Pertama?

- I Kemunculan ideologi baharu
- II Krisis rantau Balkan
- III Pakatan ketenteraan
- IV Kegagalan Liga Bangsa
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Maklumat berikut merujuk kepada rundingan yang diadakan selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu.

Tarikh	Wakil	Lokasi
Ogos 1945	<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Onn Jaafar • Kiai Salleh • Ketua Bintang Tiga 	Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat, Johor

Apakah kesan daripada usaha tersebut?

- A Mengembalikan keamanan
- B Mengeratkan hubungan antara kaum
- C Mengiktiraf kewibawaan pemimpin Melayu
- D Mengukuhkan kerjasama dalam pentadbiran

29 Bagaimanakah Perang Dunia Kedua (1939 - 1941) bermula di Eropah?

- A Rusia menduduki Berlin
- B Itali menceroboh Perancis
- C Jerman menyerang Poland
- D Austria mengancam Serbia

30 Apakah kesan penggunaan "wang pokok pisang" di Tanah Melayu?

- A Pengeluaran barang bertambah
- B Percetakan wang tanpa kawalan
- C Mempercepatkan urusan jual beli
- D Peningkatan kegiatan perdagangan

BAB 4. ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1. Antara berikut yang manakah cara bantahan Raja-Raja Melayu terhadap penentangan Malayan Union?

- A Mengadap Ratu England
- B Menghantar surat bantahan ke PBB
- C Menulis bantahan dalam akhbar tempatan
- D Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England

2. Pada tahun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British untuk menyerahkan Sabah menjadi tanah jajahan British. Mengapakah SBUB bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British?

- A. Desakan kerajaan British
- B. Perebutan kuasa pemerintahan
- C Masalah pewarisan takhta kerajaan
- D Kekurangan dana untuk membangunkan Sabah

3. Jadual berikut merujuk pentadbiranyang dijalankan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
12 September 1945	Pelaksanaan Pentadbiran British Military Administration (BMA)

Mengapakah pentadbiran tersebut dilaksanakan ?

- A Memulihkan kepercayaan penduduk
- B Menyusun semula struktur masyarakat
- C Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
- D Meningkatkan pemilikan saham bumiputera

4 Tokoh berikut memainkan peranan penting di negara kita selepas Perang Dunia Kedua.



Datin Puteh Mariah



Halimahton Abd Majid

Apakah peranan mereka ?

- A Menubuhkan Home Guard
- B Mengetuai gerakan anti Jepun
- C Menganjurkan Kongres Melayu
- D Membantah pelaksanaan Malayan Union

5 Maklumat berikut berkaitan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tarikh	Pentadbiran
12 September 1945	British Military Administration (BMA)
1 April 1946	Malayan Union

Mengapakah British melakukan perubahan tersebut?

- A Menjaga kebajikan rakyat
- B Membanteras kongsi gelap
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Meningkatkan pelaburan ekonomi

6. Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong proses penyerahan Sarawak kepada British?

- I Mengatasi masalah kewangan
 - II Memperjuangkan hak penduduk
 - III Memberikan peluang pekerjaan
 - IV Memajukan penduduk tempatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. UMNO menganjurkan bantahan besar-besaran menentang Malayan Union. Bantahan penduduk tempatan ini berjaya membuka mata kerajaan British terhadap keburukan Malayan Union. Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan perjuangan tersebut?

- I Semangat juang
 - II Perpaduan kaum
 - III Tolak ansur politik
 - IV Penyatuan orang Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada penduduk tempatan?

- A Mempunyai masalah kewangan
- B Tidak mempunyai pewaris takhta
- C Mempunyai persatuan yang tidak aktif
- D Tidak memahami tujuan penyerahan tersebut

9 British Military Administration (BMA) bermula di Tanah Melayu pada 12 September 1945. Apakah tugas BMA?

- I Memulihkan kepercayaan rakyat
- II Menjaga keharmonian penduduk

- III Memberikan kuasa kepada sultan
 - IV Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Maklumat berikut merupakan Ahli Parlimen British yang meninjau penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- L.D. Gammans
- David Rees William

Apakah yang berlaku ketika tinjauan tersebut?

- A Tunjuk perasaan
- B Rusuhan jalanan
- C Pergaduhan kaum
- D Perintah berkurung

9 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

- Diketuai oleh Gabenor British
- Kewarganegaraan melalui prinsip jus soli

Apakah X?

- A Pentadbiran Tentera British
- B Majlis Perundangan Persekutuan
- C Persekutuan Tanah Melayu
- D Malayan Union

10 Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British?

- I Masalah kewangan
 - II Masalah pewarisan takhta
 - III Mengabaikan surat wasiat
 - IV Mematuhi Perlembagaan 1941
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III

D III dan IV

11. Bagaimanakah rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union?

- I Menghantar surat bantahan
- II Membawa kes ke mahkamah
- III Mengadakan Kongres Melayu
- IV Menggunakan akhbar tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Apakah faktor penyerahan Sabah kepada British?

- A Kelemahan pemerintah
- B Permintaan penduduk
- C Desakan pelabur
- D Masalah kewangan

13 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun

Kekosongan politik berlaku di Tanah Melayu kerana kelewatan British kembali ke Tanah Melayu

Apakah kesan kelewatan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A. Penguasaan Bintang Tiga
- B. Kerjasama kaum diataskan
- C. Kemasukan tentera bersekutu
- D. Perebutan tampuk pemerintahan

14 Maklumat berikut menerangkan tujuan pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Pelaburan ekonomi
 - Melicinkan sistem pentadbiran
- A. Memperkenalkan Malayan Union
 - B. Menghapuskan institusi kesultanan

- C. Membubarkan Negeri-negeri Selat
- D. Melaksanakan dasar dekolonisasi

15 Tokoh berikut menjalinkan kerjasama untuk menentang Malayan Union.

- Za'ba
- Dato' Onn Jaafar
- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Panglima Garang

Apakah kesan jalinan kerjasama tersebut?


- A. Menerajui tampuk pemerintahan
- B. Menganjurkan Kongres Melayu
- C. Menubuhkan Persatuan Melayu
- D. Memulihkan kepercayaan rakyat

16 Mengapakah British Military Administration (BMA) membuat tindakan berikut?

- Mengarahkan MPAJA menyerahkan senjata kepadanya pada 1 Disember 1945.

- A Menyusun strategi pentadbiran
- B Mengukuhkan pentadbiran setempat
- C Menyekat ancaman komunis
- D Memastikan keamanan negara

17 Rajah berikut merupakan cara bantahan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.



Mengapakah sultan bertindak sedemikian?

- A Kemunduran rakyat tempatan
- B Kemusnahan warisan bangsa
- C Kekurangan sokongan pembesar
- D Kehilangan kedaulatan mentadbir

18. Akhbar Majlis telah menyiarkan berita gagasan Malayan Union pada 12 Ogos 1945. Apakah kesan daripada penyiaran berita tersebut ?

- A Mengadakan serangan secara terbuka
- B Memulaukan pengisytiharan Malayan Union
- C Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- D Menghidupkan persatuan-persatuan Melayu

19 Terdapat rakyat Sabah yang menyokong penyerahan Sabah kepada kerajaan British.
Mengapakah rakyat Sabah menyokong penyerahan tersebut ?

- I Memajukan bidang perniagaan
 - II Mengatasi ancaman komunis
 - III Mengurangkan kuasa pembesar
 - IV Meluaskan jaringan perdagangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Tokoh berikut telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- Rees Williams
- L.D Gammans

Apakah laporan mereka kepada dewan Parlimen British sekiranya Malayan Union dilaksanakan ?

- A Perpaduan akan terjamin
- B Huru hara akan berlaku
- C Gabungan semua negeri
- D Peperangan akan meletus

21. Apakah akhbar Melayu yang terlibat dengan penentangan terhadap Malayan union?

- A. Utusan negara
- B. Berita harian
- C. Majlis
- D. Akhbar Cina

22 Rosli Dhoby telah ditangkap kerana membunuh Sir Duncan Stewart, Gabenor British Sarawak yang kedua.
Apakah kesan pembunuhan tersebut?

- A. Penindasan terhadap Gerakan anti penyerahan Sarawak
- B. Pemberontakan secara besar-besaran berlaku
- C. Penduduk menyokong penyerahan Sarawak
- D. Sarawak mencapai kemerdekaan

23. Siapakah bekas pegawai British yang turut menentang penubuhan Malayan Union?

- A John Locke
- B George Maxwell
- C Thomas Jefferson
- D George Henry Hall

24 Penyerahan Sabah kepada kerajaan British telah dilakukan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada 26 Jun 1946.
Apakah impak penyerahan tersebut terhadap Sabah?

- A Kerjasama dengan British
- B Kemunduran pentadbiran
- C Sempadan negeri bertambah
- D Sabah menjadi tanah jajahan

25 Gagasan Malayan Union telah diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan British Military Administration (BMA). Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan Malayan Union diperkenalkan?

- I Melicinkan sistem pentadbiran
 - II Menambah kos pentadbiran
 - III Menyatupadukan rakyat
 - IV Meningkatkan pelaburan ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

26 Berikut merupakan maklumat mengenai suatu peristiwa.

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1946	Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British

Mengapakah peristiwa berikut ditentang oleh penduduk Sarawak?

- A Kemerdekaan negeri dipercepat
- B Kuasa pembesar tempatan terhapus
- C Pemerintahan Vyner Brooke berakhir
- D Bercanggah dengan Perlembagaan 1941

27 Mengapakah British memperkenalkan pentadbiran berikut di Tanah Melayu?

British Military Administration (BMA)

- A Memajukan Tanah Melayu
- B Menjamin ekonomi mereka
- C Mengelakkan pengaruh luar
- D Memulihkan kepercayaan rakyat

28 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

- 1 Julai 1946. Sarawak diserahkan kepada kerajaan British

Apakah kesan daripada penyerahan tersebut kepada negeri Sarawak?

- A Memelihara kedaulatan
- B Menjadi tanah jajahan British
- C Menerima naungan kuasa Barat
- D Mewujudkan pemerintahan republik

29 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menunjukkan penentangan terhadap Malayan Union?

- A Menganjurkan Kongres Melayu
- B Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
- C Menyuarakan bantahan dengan menulis di akhbar
- D Mengetuai tunjuk perasaan yang diadakan di bandar besar

30 Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan isu penyerahan Sarawak telah dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi. Apakah keputusan Majlis Negeri?

- A Golongan penentang penyerahan kalah 16 undi
- B Golongan propenyerahan kalah 19 undi
- C Golongan propenyerahan menang 19 undi
- D Golongan penentang penyerahan menang 19 undi

BAB 5. PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja adalah untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Siapakah yang menganggotai jawatankuasa tersebut?

- I Wakil Raja-raja Melayu
 - II Wakil orang dagang
 - III Gabenor Jeneral
 - IV. Wakil UMNO
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2 Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengelakkan Tanah Melayu diancam oleh kuasa luar
- B Membela nasib Raja-raja Melayu dan penduduk tempatan
- C Mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi
- D Mengukuhkan penguasaan British terhadap Tanah Melayu

3 Pada bulan Julai 1947, PUTERA-AMCJA telah mengemukakan Perlembagaan Rakyat. Antara berikut, yang manakah terkandung dalam perlembagaan tersebut?

- A Raja-raja Melayu berkuasa mutlak
- B Bahasa Inggeris menjadi bahasa kebangsaan
- C Kewarganegaraan Malaya dinamakan Melayu
- D Agama Islam di bawah Pesuruh Jaya Tinggi British

4 Ahli Parlimen British berikut telah dihantar ke negara kita selepas Perang Dunia Kedua.

- L.D.Gammans
 - Rees Williams
- Apakah tujuan kedatangan mereka ?

- A Menggubal perlembagaan merdeka
- B Menguatkuasakan perintah berkurung
- C Menjalankan British Military Administration
- D Menyaksikan bantahan terhadap Malayan Union

5 Maklumat berikut berkaitan tokoh yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja pada 1946.

- Pegawai British
 - Pemimpin UMNO
 - Wakil Raja-raja Melayu
- Mengapakah jawatankuasa tersebut dibentuk?
- A Memperkenalkan Sistem Ahli
 - B Menentukan tarikh pilihan raya
 - C Merangka asas Perjanjian Persekutuan
 - D Mengawal pergerakan golongan radikal

6. Kewarganegaraan merupakan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Manakah jenis kerakyatan yang diterima dalam perjanjian tersebut?

- I Mendapat perkenan Raja-raja Melayu
 - II Melalui kuat kuasa undang-undang
 - III Mendapatkan secara pendaftaran
 - IV Memperolehi persetujuan Gabenor
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Apakah tindakan yang dilakukan oleh PUTERA-AMCJA apabila British menolak perlembagaan rakyat?

- A Melakukan mogok
- B Menganjurkan hartal
- C Mengadakan ceramah
- D Melancarkan demonstrasi

8 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan sebuah negara bangsa yang kukuh. Apakah iktibar yang boleh diambil dari penubuhan ini?

- A Taat setia kepada pemerintah
- B Sanggup berkorban demi negara
- C Hormat menghormati antara kaum
- D Kerjasama antara rakyat dengan pemimpin


9 Maklumat berikut berkaitan pihak yang menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja.

- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)
- All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Kerakyatan jus soli diterima
- B Negara persekutuan dibentuk
- C Tidak mewakili semua pihak
- D Perkongsian kuasa dilaksanakan

10 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Tanah Melayu.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- I Desakan orang dagang
 - II Tuntutan pelabur asing
 - III Sokongan pentadbir British
 - IV Cadangan Raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Gambar berikut berkaitan dengan Ahli Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946.



Sumber : www.utusan.com.my

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu
- B Menjaga hak keistimewaan orang Melayu
- C Menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan
- D Merangka isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

12 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai pada 21 Januari 1948.

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- I. M e m u l a k a n k e r j a s a m a k a u m
 - II Menjamin pengagihan kuasa
 - III Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
 - IV Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13 Antara berikut yang manakah wakil Raja-raja Melayu dalam Jawatankuasa Kerja penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Dato' Onn Jaafar
- II Dato' Hamzah Abdullah

- III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?

- A Mengiktiraf kedudukan istimewa
B Menguasai kegiatan ekonomi
C Membuka peluang pekerjaan
D Membentuk kerjasama kaum

15 Mengapakah tokoh berikut menentang cadangan Persekutuan Tanah Melayu 1948?



Dr. Burhanuddin al-Helmy

- I. Memberi kebebasan hak bersuara
II. Memajukan ekonomi orang Melayu
III. Membentuk kerajaan republik
IV. Memohon kemerdekaan sepenuhnya
A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV


16 Maklumat berikut berkaitan dengan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- John Albert lahir di Melaka sebelum tahun 1948. Beliau berhasrat untuk menetap di negeri Pulau Pinang.

Apakah status kerakyatan beliau mengikut perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A. Rakyat British
B. Rakyat Raja Melayu
C. Rakyat Negeri-negeri Selat
D. Rakyat Negeri Naungan British

17 Maklumat berikut berkaitan ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1970 - 1973) pada 23 September 1973.



Bahawa sekalipun kemerdekaan telah dicapai oleh golongan *moderate*, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan.

- Dr. Ismail Abdul Rahman

Apakah sumbangan golongan nasionalis radikal kepada negara berdasarkan maklumat tersebut?

- A Pembebasan tanah air daripada penjajah
B Pengukuhan hak golongan imigran
C Perpaduan rakyat pelbagai bangsa
D Pengukuhan semangat nasionalisme bangsa

18. Gambar berikut merujuk penganjuran hartal pada 20 September 1947 di bandar utama Tanah Melayu.



Apakah sebab berlakunya penganjuran hartal tersebut?

- A Penamatan Malayan Union
- B Penolakan Perlembagaan Rakyat
- C Pemansuhan sekolah vernakular
- D Pengurangan hak imigran

19. Apakah kebaikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja?

- A Mengembalikan sistem pewarisan takhta
- B Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
- C Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
- D Pentadbiran diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong

20. Gambar berikut menunjukkan peristiwa Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948.



Pernyataan manakah yang betul berkenaan cadangan Raja-raja Melayu bagi menyelesaikan konflik penubuhan Malayan Union?

- A. Hasil ekonom diberikan secara adil
- B. Jawatan Gabenor British dipulihkan
- C. Persekutuan bertaraf naungan
- D. Pilihan raya diadakan empat tahun sekali

21. Apakah iktibar yang diperolehi daripada peristiwa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union?

- I Rakyat boleh memilih pengganti raja
 - II Tanah Melayu menjadi hak mutlak orang Melayu
 - III Kedaulatan Raja-raja Melayu dikekalkan
 - IV Hak keistimewaan orang Melayu dipelihara
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

22 Gambar di bawah menunjukkan proses penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah iktibar penubuhan Persekutuan tersebut?

- A Kerjasama bermuafakat
- B Tegas dan berpendirian
- C Bijak merancang strategi
- D Sentiasa bersabar dan tabah

23. Antara salah satu ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah status kewarganegaraan.

Yang manakah syarat kewarganegaraan secara pendaftaran?

- I Taat kepada Raja
 - II Keturunan Melayu
 - III Tiada rekod jenayah
 - IV Tingkah laku yang baik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Mengapakah golongan nasionalis Melayu radikal memberi penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar?

- A Ingin membuka minda rakyat ke arah negara yang merdeka
- B Ingin mengetahui masalah yang dihadapi orang Melayu
- C Ingin mewujudkan perpaduan antara kaum
- D Ingin mewujudkan ekonomi orang Melayu

25 Maklumat berikut merupakan piagam yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB).

- Piagam Atlantik

Apakah kesan pengenalan piagam tersebut kepada Tanah Melayu?

- A British membentuk Malayan Union
- B British mempertahankan hak istimewa orang Melayu
- C British bersetuju membentuk Persekutuan Tanah Melayu
- D British memperketat kerakyatan penduduk Tanah Melayu

26 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Penentangan orang Melayu
- B Menghalang desakan orang dagang
- C Memenuhi tuntutan golongan radikal
- D Kemasukan berterusan kaum imigran

27 Maklumat berikut berkaitan syarat kewarganegaraan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nama : Wong Ah Meng
Tarikh lahir : 16 November 1948
Tempat lahir : Melaka Tengah, Melaka

Apakah status kewarganegaraan beliau?

- A Rakyat British
- B Rakyat Dagang
- C Rakyat Raja Melayu
- D Rakyat Malayan Union

28 Siapakah pegawai tinggi British yang menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I K.K.O' Connor
- II Rees Williams
- III Sir Ralph Hone
- IV Theodore Adams

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan M a l a y a n U n i o n ?

- A Hak istimewa orang Melayu di Tanah Melayu dikekalkan
- B Penyerahan kuasa British kepada pemerintah tempatan
- C Raja-raja Melayu menjadi pemerintah berkuasa mutlak
- D Tanah Melayu menjadi hak mutlak orang Melayu

BAB 6 ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

1. Sasaran utama serangan komunis ialah kawasan ladang getah dan lombong bijih timah.

Mengapakah pihak komunis bertindak sedemikian?

- A Mewujudkan jurang ekonomi
- B Meningkatkan kadar kemiskinan
- C Mengganggu aktiviti harian masyarakat
- D Melemahkan kedudukan ekonomi British

2 Mengapakah rancangan penempatan semula Kampung Baru merenggangkan hubungan kaum?

- A Penguasaan komunis terhadap Kampung Baru
- B Ramai orang Cina menyertai komunis
- C Penempatan berasaskan kaum
- D Tidak melibatkan kaum India

3 Maklumat berikut berkaitan perkembangan yang berlaku di negara kita pada tahun 1940-an.

- Pada 16 Jun 1948, tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak dibunuh.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Kesatuan sekerja dibubarkan
- B Kemasukkan imigran Cina disekat
- C Undang-undang Darurat diisytiharkan
- D British Military Administration dilaksanakan

4 Pilih pasangan yang tepat tentang peranan Pasukan Keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

	Pasukan	Tugas
A	Home Guard	Melindungi pekerja lombong bijih timah
B	Sarawak Ranjers	Menjejak persembunyian komunis dalam hutan
C	Senoi Praaq	Mempertahankan bandar dan kampung
D	Special Constables	Membuat rondaan di pinggir hutan

5 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu semasa pemerintahan British.

Tarikh	Peristiwa
16 Jun 1948	Pembunuhan 3 orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak

Apakah tindak balas British terhadap peristiwa tersebut?

- A Mengisytiharkan perintah darurat
- B Meminta bantuan tentera upahan
- C Menubuhkan pasukan penyiasat
- D Menyekat kemasukan imigran

6. Dialog berikut mungkin berlaku semasa zaman darurat di Tanah Melayu.

- A : Kita perlu memujuk kaum bukan Melayu agar tidak terpengaruh dengan komunis
- B : Ya. Ini penting bagi mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu

Apakah tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu tersebut?

- A Menjamin keselamatan
- B Menawarkan pengampunan
- C Melonggarkan syarat kerakyatan
- D Mewajibkan pendaftaran kad pengenalan

7. Gambar berikut menunjukkan keganasan komunis di Tanah Melayu. Mengapakah komunis bertindak sedemikian?



- A Rakyat menderita
- B Berhijrah ke bandar
- C Mencari pekerjaan baharu
- D Penularan wabak penyakit

8. Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?

- A Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- B Penubuhan Parti Komunis Nanyang
- C Keinginan menguasai bahan mentah
- D Peluasan pengaruh Parti Komunis China

9. Partai Komunis Indonesia (PKI) telah berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu. Apakah faktor yang mendorong PKI bertindak sedemikian?

- A Kekejaman tentera Jepun

- B Keinginan meluaskan pengaruh
- C Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- D Kekosongan politik di Tanah Melayu

10. Jadual berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
16 Jun 1948	Pembunuhan tiga orang pengurus ladang British di Sungai Siput, Perak.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Undang-Undang Darurat diisytiharkan
- B Parti Komunis Malaya diharamkan
- C Pasukan keselamatan diperkukuh
- D Rancangan Briggs diperkenalkan

11. Penduduk Tanjung Malim enggan memberikan sebarang maklumat berhubung insiden serangan komunis yang membunuh 12 pekerja membaiki paip di daerah itu pada tahun 1952.

Sumber : e-journal.um.edu.my

Bagaimana British mengatasi masalah tersebut?

- A Melancarkan Perang Saraf
- B Melaksanakan Rancangan Briggs
- C Menggeledah rumah di Tanjung Malim
- D Menangkap individu yang enggan bekerjasama

12. Penamatan zaman darurat meninggalkan pelbagai kesan politik sepanjang tempoh 12 tahun di negara kita.

Apakah kesan tersebut?

- A Memulih kepercayaan rakyat
- B Mempercepatkan kemerdekaan
- C Mengukuhkan kepimpinan negara
- D Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British

13. Gambar berikut berkaitan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis.



Sarawak Rangers (Iban Trackers)

Apakah tugas pasukan keselamatan tersebut?

- A Menyekat bekalan makanan
- B Mengawal kawasan lombong
- C Menjejak persembunyian komunis
- D Melindungi pergerakan penduduk

14. Mengapakah rakyat menderita sepanjang tempoh darurat di negara kita?

- A Sekatan ekonomi
- B Catuan makanan
- C Kawalan pergerakan
- D Halangan pekerjaan

15. Mengapakah British bertindak memperkenalkan undang-undang berikut di negara kita?

- Trade Union Ordinance No.9 of 1948

- A Menghalang idea pembinaan negara dan bangsa
- B Menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian kaum

- C Menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja
- D Meluluskan penubuhan parti politik berasaskan kaum

16. Apakah kesan darurat terhadap politik di negara kita?

- A. Menjimatkan kos pentadbiran
- B. Mewujudkan kestabilan politik
- C. Mengelakkan perbalahan kaum
- D. Mempercepatkan kemerdekaan

17. Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku akibat ancaman komunis di negara kita.

Tarikh: 16 Jun 1948

Peristiwa: Pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah

Lokasi: Sungai Siput, Perak

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pelaksanaan Rancangan Briggs
- B Pembukaan Kampung Baru
- C Perisytiharan Darurat
- D Pendaftaran Kebangsaan

18. Jadual berikut berkaitan jumlah pasukan keselamatan yang terkorban dalam menangani ancaman komunis.

Pasukan	Terkorban
Polis	513
Tentera	519

Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian?

- A Kesiapsiagaan pasukan
- B Ketidakupayaan kerajaan
- C Kegagalan perundingan
- D Kelemahan perisikan

19. Ideologi Komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui China.
Bagaimanakah ideologi tersebut dibawa masuk ke negara kita?

- I Rumah Ibadat
- II Sekolah Cina
- III Kesatuan Sekerja
- IV Sekolah Agama
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Maklumat berikut berkaitan langkah mengatasi ancaman Komunis.

- Kampung Baru

Apakah kesan rancangan tersebut?

- A Merenggangkan hubungan antara kaum
- B Meningkatkan kos perbelanjaan
- C Memenangi kepercayaan rakyat
- D Menamatkan undang-undang Darurat

21. Bagaimanakah pengaruh komunis dapat diserap sehingga penduduk Tanah Melayu terpengaruh dengan ideologi komunis?

- A. Melalui kesatuan sekerja
- B. Menggunakan propaganda
- C. Penglibatan tokoh komunis Indonesia
- D. Penubuhan Parti Komunis Malaya di bandar-bandar utama

22. Mengapakah rancangan penempatan semula Kampung Baru merenggangkan hubungan antara kaum?

- A Ramai orang cina menyertai komunis
- B Kampung Baru dikuasai oleh komunis
- C Orang melayu tidak dibenarkan tinggal di Kampung Baru
- D Kampung baru didominasi oleh kaum cina

23. Bagaimanakah pembunuhan tiga orang pengurus ladang ketika pendudukan komunis membawa kesan besar ketika itu?

- Arthur Walker
- Ian Cristian
- John Allison

- A Republik Komunis di Tanah Melayu terbentuk
- B Pengisytiharan darurat dikuatkuasa
- C British meluaskan pengaruh
- D Berlaku kekosongan politik

24. British memperkasa pasukan keselamatan dalam usaha untuk menangani ancaman komunis. Apakah tugas Senoi Praaq atau Urang Perang?

- A Mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan
- B Membanteras gerila komunis di dalam hutan
- C Mengawal ladang dan kawasan lombong
- D Ejen risikan komunis

25. Berikut adalah buku yang ditulis oleh Karl Marx dan Friedrich Engels.

- Das Kapital

Apakah fahaman yang diasaskan oleh tokoh-tokoh tersebut?

- A Sosiolisme
- B Komunisme
- C Liberalisme
- D Nasionalisme

26 Maklumat berikut merujuk pasukan keselamatan yang diwujudkan di negara kita.

- Senoi Praaq
- Sarawak Rangers

Apakah peranan pasukan tersebut?

- A Membekalkan sumber makanan

- B Memberikan latihan ketenteraan
- C Mengawasi kawasan perlombongan
- D Menjejaki tempat persembunyian komunis

27. Gambar 2 berikut adalah anggota pasukan Sarawak Rangers.



Gambar 2

Bagaimanakah pasukan tersebut membantu dalam usaha membanteras komunis?

- A Membuat risikan dan menyamar sebagai komunis
- B Mengawal ladang dan kawasan lombong
- C Menyekat bekalan makanan dan ubatan
- D Menjejak persembunyian komunis

28. Pada zaman darurat, tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan di Tanah Melayu.

Apakah kesan situasi tersebut?

- A Pertambahan buruh asing
- B Peningkatan harga barang
- C Pengawalan barangan import
- D Perkembangan tanaman dagangan


29 British memperkasakan pasukan keselamatan tempatan untuk membanteras kegiatan komunis.

Apakah tugas pasukan Polis Hutan?

- A Memusnahkan kem komunis dalam hutan
- B Menjadi barisan hadapan menghadapi PKM
- C Membuat penyusupan dalam organisasi PKM
- D Membawa bekalan makanan kepada pasukan bertugas

30 Gambar di bawah menunjukkan tindakan komunis di Tanah Melayu.

Mengapakah komunis bertindak demikian?



- A Menakutkan British
- B Mengukuhkan ideologi
- C Melumpuhkan ekonomi
- D Mengancam penduduk

BAB 7 USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu?

- A Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- B Merangka perlembagaan negara yang akan merdeka
- C Memperkasakan sistem pendidikan kebangsaan
- D Melaksanakan pilihan raya pertama yang adil

2. Laporan Fenn-Wu mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu.

Yang manakah benar tentang kandungan Laporan Fenn-Wu?

- A Sekolah rendah dan sekolah menengah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah
- B Sekolah Cina diteruskan dengan digabungkan di bawah sistem kebangsaan
- C Bahasa Cina diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama
- D Pendidikan sekolah Cina haruslah berorientasikan Tanah Melayu

3. Jadual berikut berkaitan dengan Sistem Ahli yang dilaksanakan di Tanah Melayu selepas tahun 1950-an.

Tokoh	Portfolio
Dato' Onn Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
H.S. Lee	X

Apakah X ?

- A Ahli Pelajaran
- B Ahli Kesihatan
- C Ahli Pengangkutan
- D Ahli Kerajaan Tempatan

4. Pernyataan berikut berkaitan matlamat Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

- Memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Bagaimanakah matlamat tersebut dicapai ?

- A Membubarkan sekolah vernakular
- B Menyeragamkan kandungan kurikulum
- C Mengajar pendidikan sivik secara formal
- D Menjadikan bahasa Inggeris bahasa pengantar

5. Dato' Onn Jaafar menubuhkan Independence of Malayan Party (IMP) selepas tahun 1949.

Apakah asas penubuhan parti tersebut?

- A Perpaduan kebangsaan
- B Penyatuan bangsa
- C Berasaskan Islam
- D Bercorak radikal

6. Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu?

- A Menggubal perlembagaan merdeka
- B Menentukan syarat kewarganegaraan
- C Menetapkan pelaksanaan pilihan raya
- D Melatih penduduk tempatan mentadbir

7. Apakah kebaikan Sistem Ahli terhadap Persekutuan Tanah Melayu?

- A Menjimatkan kewangan kerajaan
- B Mengekalkan pemerintahan beraja
- C Menguasai semua portfolio kerajaan
- D Mendapat peluang menerajui kerajaan

8. Bagaimanakah sistem persekolahan di Tanah Melayu semasa pentadbiran British?

- A P e m a n t a u a n oleh kerajaan
- B Pembayaran gaji oleh British

- C Menyatupadukan rakyat tempatan
- D Menggunakan kurikulum berlainan

9. Maklumat berikut berkaitan isu yang diketengahkan dalam penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) di negara kita.

- Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan

Bagaimanakah JHAK menyelesaikan isu tersebut?

- A Penubuhan RIDA
- B Penubuhan MADA
- C Penubuhan FELDA
- D Penubuhan FELCRA

10. Gambar berikut menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Kapal layar

Mengapakah logo tersebut dipilih?

- A Kehebatan melantik pemimpin
- B Kemampuan membentuk negara
- C Kesediaan menempuh cabaran
- D Kesedaran memerintah sendiri

11. Apakah konsep kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda?

- A. Merdeka
- B. Hidup Melayu
- C. Melayu Raya
- D. Tanah Merdeka

12. Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu?

- A. Menggubal perlembagaan merdeka
- B. Melatih penduduk mentadbir
- C. Menetapkan pelaksanaan pilihan raya
- D. Menentukan syarat kewarganegaraan

13. Apakah asas penubuhan parti politik tersebut?

Independence Of Malayan Party (IMP) ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar pada 1949.

- A Pengukuhan warisan
- B Penyatuan wilayah
- C Perpaduan kebangsaan
- D Permuafakatan politik

14. Apakah cadangan E.W. Woodhead terhadap perkembangan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1955?

- A Peperiksaan bercorak kebangsaan
- B Pengukuhan bidang kemahiran
- C Memartabatkan bahasa Melayu
- D Memperkasakan bahasa Inggeris

15. Apakah kepentingan Sistem Ahli terhadap usaha ke arah kemerdekaan?

- A Melancarkan proses pilihanraya
- B Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- C Memastikan orang Melayu terlibat dalam pentadbiran

D Memastikan setiap portfolio diketuai oleh ahli yang dilantik oleh British

16. Senarai di bawah menunjukkan sistem sekolah yang wujud sebelum merdeka

- Sekolah Melayu
- Sekolah Agama
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil

Apakah kesan sistem pendidikan tersebut kepada negara?

- A Perpaduan kaum sukar dicapai
- B Masalah kekurangan guru
- C Peluang pekerjaan meningkat
- D Masalah buta huruf berkurangan

17. Apakah kepentingan pelaksanaan Sistem Ahli di negara kita?

- A. Menyediakan asas ke arah berkerajaan sendiri
- B. Melaksanakan pentadbiran bercorak demokrasi
- C. Melahirkan semangat berdaya saing
- D. Mengekalkan sistem pentadbiran British

18. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah memperkasa sistem Pendidikan di Tanah Melayu.

- Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama

Maklumat diatas merujuk kepada

- A. Laporan Barnes
- B. Ordinan Pelajaran 1952
- C. Laporan Fenn-Wuu
- D. Laporan Woodhead

19. Orang Melayu bersetuju memberikan kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.

Mengapakah orang Melayu bersetuju bertindak demikian?

- A Memelihara kestabilan politik
- B Melahirkan semangat patriotik
- C Mempertahankan hak peribumi
- D Mewujudkan keharmonian kaum

20. Pada Oktober 1954, gabungan tiga parti politik berbeza kaum melengkapkan kerjasama yang diinginkan British.

Apakah nama parti yang terlibat dalam kerjasama politik tersebut?

- A Perikatan Nasional
- B Pakatan Harapan
- C Parti Perikatan
- D Parti Negara

21. Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

- Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada Januari 1949.

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?

- A Mewujudkan kerjasama politik
- B Melonggarkan kewarganegaraan
- C Mengekalkan sekolah vernakular
- D Memberikan hak sama rata antara kaum

22. Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan sebuah parti politik di negara kita.



Kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan negara.

Apakah parti tersebut?

- A Persetiaan Melayu Kelantan
- B Persatuan Melayu Semenanjung
- C Parti Perikatan (UMNO, MIC, MCA)
- D Angkatan Pemuda Insaf

23. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.

Bagaimanakah Sistem Ahli ini dapat memperkukuh perpaduan rakyat?

- A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
- B Undang-undang anti perkauman digubal
- C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
- D Mewajibkan penggunaan Bahasa Kebangsaan

24. Apakah objektif Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

- A Membina lebih banyak sekolah
- B Sistem persekolahan mengikut kaum
- C Kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
- D Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur

25. Senarai berikut berkaitan organisasi berhaluan kiri yang terdapat di Tanah Melayu sebelum merdeka

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

Apakah persamaan pertubuhan tersebut?

- A Merealisasikan idea Melayu Raya
- B Mempertahankan hak orang Melayu
- C Menyebarkan ideologi komunisme
- D Membuka keahlian kepada semua kaum

26. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah pertubuhan di Tanah Melayu

- Menentang Malayan Union
- Memelihara status quo orang Melayu
- Mempertahankan kedaulatan Raja-raja

Apakah pertubuhan tersebut?

- A Angkatan Pemuda Insaf (API)
- B Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
- C Independence of Malaya Party (IMP)
- D United Malays National Organisation (UMNO)

27. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951?

- A Melindungi institusi beraja
- B Melaksanakan pendidikan sekular
- C Memperkenalkan kurikulum baharu
- D Melatih penduduk berkerajaan sendiri

28. Mengapakah Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu?

- A Sistem pendidikan percuma
- B Persekolahan mengikut aliran
- C Kurikulum bercorak kebangsaan
- D Memperkasakan sekolah venakular

29. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum. Apakah kesan daripada cadangan CLC agar penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu?

- A Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
- B Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa
- C Kewujudan Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- D Kewujudan Lembaga Kemajuan Ikan Negara

30. Sistem Ahli diperkenalkan selaras dengan dasar dekolonisasi kerajaan British selepas Perang Dunia Kedua.

Apakah kepentingan Sistem Ahli?

- A Menentukan kemerdekaan mendapat sokongan penuh rakyat
- B Membolehkan usaha kearah persediaan menyambut kemerdekaan
- C Memudahkan pembentukan perlembagaan negara merdeka
- D Menyediakan pengetahuan dalam bidang perundangan

BAB 8 PILIHANRAYA

1. Maklumat berikut berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Penentuan sempadan kawasan pilihan raya
- Pendaftaran pengundi
- Penamaan calon
- X

Apakah X?

- A Pengiraan undi
- B Kempen pilihan raya
- Semakan kelayakan pengundi
- D Penyerahan simbol parti bertanding

2. Antara yang berikut, yang manakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- I Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
- II Mengurangkan kuasa pentadbir British
- III Menghalau British dari Tanah Melayu
- IV Mengharamkan Parti Komunis Malaya

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

3. Petikan berikut merupakan sebahagian ucapan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955.

“Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini. Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih.”

Majlis dalam petikan tersebut merujuk kepada
A Majlis Raja-Raja Melayu

- B Majlis Eksekutif Persekutuan
- C Majlis Mesyuarat Perundangan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

4. Maklumat berikut berkaitan kabinet yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955.

- Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 dengan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman

Apakah peranan kabinet tersebut ?

- A Membincangkan isu pertahanan
- B Memartabatkan bahasa kebangsaan
- C Menggubal perlembagaan merdeka
- D Merangka dasar pendidikan kebangsaan

5. Maklumat berikut berkaitan ordinan yang digubal semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

- Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan 1950

Apakah kepentingan ordinan tersebut?

- A Melaksanakan pilihan raya
- B Menguruskan perkhidmatan awam
- C Membatalkan keputusan pilihan raya
- D Mengesahkan pendaftaran parti politik

6. Maklumat berikut menunjukkan kerjasama yang diwujudkan antara parti politik di Tanah Melayu.

- UMNO dan MCA bergabung di bawah Perikatan

Mengapakah gabungan tersebut diwujudkan?

- A Merupakan strategi pilihan raya
- B Menerajui pentadbiran negara
- C Menjayakan rombongan kemerdekaan
- D Membincangkan isu kewarganegaraan

7. Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk dengan 46 orang ahli pada 1 Februari 1954. Berdasarkan maklumat tersebut, apakah tugas Jawatankuasa Pilihan Raya?

- A Melantik wakil rakyat
- B Mengadakan rundingan
- C Mengumumkan keputusan
- D Mengkaji hal ehwal pilihan raya

8. Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat di negara kita. Apakah kesan penubuhan Majlis tersebut?

- I Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan
 - II Pilihan Raya Bandaran dijalankan
 - III Pentadbiran demokrasi diamalkan
 - IV Tunku Abdul Rahman mengetuai kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9. Mengapakah pilihan raya peringkat awal di Persekutuan Tanah Melayu penting kepada negara kita?

- A Menjamin hak asasi rakyat
- B Mengelakkan pemusatan kuasa
- C Melaksanakan amalan demokrasi
- D Mendapatkan sokongan penduduk

10. Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang telah dibentuk selepas pilihan raya 1955?

- A Mentadbir negara
- B Memilih wakil kerajaan
- C Menggubal undang-undang
- D Membentuk Kerajaan Persekutuan

11. Dato Ali ingin menjadi calon dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1955. Apakah syarat yang perlu beliau patuhi?

- I Berumur 21 tahun
 - II Merupakan pemimpin parti politik
 - III Berpengetahuan dalam bahasa Melayu
 - IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- A I dan I
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- A Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
- B Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- C Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
- D Mewujudkan kerajaan pusat yang

13. Jadual berikut berkaitan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 yang ditubuhkan di negara kita.

Komposisi ahli MPP	Keanggotaan
52 orang	Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
35 orang	Ahli lantikan mewakili kumpulan berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian
11 orang	Menteri Besar mewakili negeri
2 orang	Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
Jumlah 100	

Apakah kesan penubuhan MPP tersebut terhadap pembentukan demokrasi?

- A Kemerdekaan negara disegerakan
- B Kekuasaan British bertambah
- C Kepelbagaian parti politik
- D Kerajaan pimpinan rakyat

14 Apakah nilai kepimpinan yang ditunjukkan menerusi pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- A Bertoleransi
- B Berhemah
- C Berdikari
- D Berwibawa

15. Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan. Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- I. Membaiki proses pilihanraya
- II. Meninjau pandangan rakyat
- III. Membuat kajian pilihan raya
- IV. Memberi cadangan pilihan raya

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

16 Maklumat berikut merujuk kepada anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Anggota	Jumlah
Menteri	10 orang
Pegawai British	3 orang

Apakah portfolio yang dipegang oleh pegawai British tersebut?

- A. Menteri Pengangkutan
- B. Setiausaha Kesihatan
- C. Setiausaha Kewangan
- D. Menteri Tanah dan Galian

17. Maklumat berikut berkaitan perkembangan pilihan raya yang diadakan di negara kita.

Tarikh pendaftaran pemilih	:	17 Mei 1951 hingga 30 Jun 1951
Jumlah pengundi	:	14 514 orang
Lokasi	:	George Town

Pilihan raya tersebut merujuk kepada

- A Pilihan Raya Negeri
- B Pilihan Raya Majlis Perbandaran
- C Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
- D Pilihan Raya Umum

18. Gambar berikut merujuk sebahagian daripada ahli Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955.



Apakah nilai yang dapat dicontohi melalui semangat perkongsian kuasa antara kaum dalam pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan tersebut?

- A Toleransi
- B Rasional
- C Prihatin
- D Tanggungjawab

19. Gambar di bawah berkaitan dengan Pilihan Raya.



Apakah nilai yang dapat diteladani daripada tindakan rakyat tersebut?

- A Peka
- B Bersatu pada
- C Toleransi
- D Bertanggungjawab

20. Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran di Tanah Melayu.

Tahun	Perkara
1955	Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

Apakah kesan penubuhan majlis tersebut?

- A Peneguhan amalan pentadbiran demokrasi
- B Tiada lagi kuasa penjajah British
- C Pengekalan undang-undang tradisional
- D Menghalang gerakan nasionalis

21. Perikatan UMNO – MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan dalam pilihan raya peringkat negeri.

Apakah faktor kemenangan Pakatan tersebut?

- A. Calon parti lawan menarik diri
- B. Kempen pilihan raya yang berkesan

- C. Kerjasama antara kaum
- D. Campur tangan pegawai British

22. Siapakah yang mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955?

- A. Gabenor British
- B. Ketua Menteri
- C. Perdana Menteri
- D. Yang di-Pertuan Agong

23. Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

1950 Ordinan Pilihan raya Berkuasa Tempatan

Apakah tujuan pembentukan Ordinan di atas?


- A Untuk mengurus pendaftaran pengundian pilihan raya
- B Mengkaji dan membuat cadangan berkaitan pilihan raya
- C Memberi pengalaman kepada rakyat mengendalikan pilihan raya
- D Memberi kuasa kepada majlis tempatan mengadakan pilihan raya

24. Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada tahun 1955.

Bagaimanakah kabinet pertama dibentuk?

- A Pelaksanaan Pilihan Raya Umum
- B Akta Perundangan Persekutuan
- C Pengenalan Suruhanjaya Reid
- D Akta Penubuhan Parlimen

25. Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan pilihan raya yang diadakan di negara kita sebelum merdeka.



Apakah X?

- A Johor Bahru
- B George Town
- C Alor Setar
- D Jesselton

26. Gambar berikut menunjukkan salah satu tempat mengundi dalam pilihan raya.



Apakah nilai yang ditunjukkan oleh para pengundi?

- A Kesabaran
- B Perpaduan
- C Tanggungjawab

D Semangat setiakawan

27. Pasangan manakah yang betul tentang syarat untuk menjadi pengundi dan syarat untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

	Syarat Menjadi Pengundi	Syarat Menjadi Calon
A	Rakyat British dan warganegara	Berumur 21 tahun ke atas
B	Berumur 21 tahun ke atas	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
C	Bermastautin di Tanah Melayu	Tinggal dalam tempoh enam bulan di Tanah Melayu
D	Berpengetahuan dalam bahasa Melayu	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris

28. Gambar 3 berikut adalah barisan kabinet pertama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.




Gambar 3

Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Menggubal perlembagaan negara yang merdeka
- II III IV Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
- Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
- Membincangkan soal kewarganegaraan dan dasar luar negara
- A I dan II
- B I dan IV

C II dan III
D III dan IV

29. Rajah berikut menunjukkan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?

- A Penyata bentuk Pilihan Raya dikeluarkan
- B Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk
- C Pelaksanaan pendaftaran pengundi
- D Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan

30. Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955?

- A Menguruskan negara sendiri
- B Perkongsian kuasa antara kaum
- C Dasar dekolonisasi penjajah British
- D Persediaan kearah berkerajaan sendiri

BAB 9. PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1. Yang manakah perkara yang dituntut oleh British dalam rundingan kemerdekaan di London?

- A. Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu
- B. Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan dan digantikan dengan Menteri Kewangan
- C. Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi hendaklah dalam kalangan rakyat Persekutuan Tanah Melayu
- D. Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957

2. Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, bagaimanakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan ?


- A. Lantikan rakyat
- B. Dicalonkan oleh Perdana Menteri
- C. Dilantik dalam kalangan Raja-Raja Melayu
- D. Mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang

3. Apakah peranan tokoh berikut ?

- Lord Reid
- Sir William Mckell
- Sir William Ivor Jennings
- Hakim B. Malik
- Hakim Abdul Hamid

- A. Menjalankan pilihan raya umum
- B. Merangka perlembagaan merdeka
- C. Menyeragamkan sistem pendidikan
- D. Menstruktur semula sistem kehakiman

4. Rajah berikut berkaitan memorandum yang dikemukakan parti politik kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah isu yang disuarakan dalam memorandum tersebut ?

- A. Pilihan raya
- B. Agama rasmi
- C. Kewarganegaraan
- D. Bahasa kebangsaan

5. Apakah pertimbangan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan semasa merangka Perlembagaan Persekutuan 1957?

- A. Sistem pendidikan
- B. Sempadan negara
- C. Kewangan kerajaan
- D. Kuasa autonomi negeri

6. Tokoh berikut telah berangkat ke London untuk berunding dengan British pada 9 Mei 1957.

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Ong Yoke Lin
- V. T. Sambathan

Apakah isu rundingan tersebut?

- A. Pertahanan
- B. Kemerdekaan
- C. Kewarganegaraan
- D. Pembangunan negara

7. Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan kemerdekaan ke Karachi menggunakan kapal laut?

- A Merangka perlembagaan baharu
- B Berunding tentang usaha kemerdekaan
- C Mendapatkan sokongan negara serantau
- D Berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu


8. Maklumat berikut berkaitan misi kemerdekaan.

- Berlangsung dari 18 Januari 1956 - 6 Februari 1956
- Di Lancaster House, London

Apakah peristiwa yang berlaku?

- A Perjanjian kemerdekaan
- B Rundingan kemerdekaan
- C Sambutan kemerdekaan
- D Pengisytiharan kemerdekaan

9. Gambar berikut berkaitan seorang tokoh yang terlibat dalam kemerdekaan negara



Sheikh Abdullah Fahim

Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Mewakili Raja-raja Melayu
- B Menyusun strategi perjalanan
- C Menentukan tarikh kemerdekaan
- D Mengetuai rombongan ke London

10. Anda merupakan seorang anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah peranan anda dalam menggubal perlembagaan tersebut?

- I Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
 - II Memperkenalkan jawatan Yang di-Pertuan Agong
 - III Menjadikan agama Islam sebagai agama persekutuan
 - IV Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman sedang diarak ke Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Sumber : pekhabar.com

Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada negara?

- A Pengumuman tarikh kemerdekaan
- B Lantikan Ketua Menteri Persekutuan
- C Lawatan pemimpin negara ke Melaka
- D Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu

12. Suruhanjaya Perlembagaan telah merujuk kepada beberapa terma semasa merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

Apakah terma tersebut?

- A Hak sama rata
- B Kedudukan British
- C Bentuk kewarganegaraan
- D Mewujudkan jawatan ketua menteri

13. Peristiwa berikut berkaitan dengan perjalanan rombongan kemerdekaan.

- Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut.

Mengapakah Tunku Abdul Rahman bertidak demikian?

- A Menjimatkan kos perjalanan
- B Membuat perancangan strategi
- C Merapatkan hubungan rombongan
- D Menjamin keselamatan pelayaran

14. Apakah peranan rakyat dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

- A Mendapat persetujuan raja
- B Menyokong isu perbincangan
- C Menjadi anggota suruhanjaya
- D Memberi cadangan memorandum

15. Tunku menjelaskan perlunya misi rundingan ke London bagi membincangkan beberapa perkara untuk negara yang akan merdeka. Apakah perkara tersebut?

- I. Keselamatan
 - II. Perlembagaan negara
 - III. Hal Ehwal Luar Negeri
 - IV. Pertahanan
- A. I dan II
 - B. I dan IV

- C. II dan III
- D. III dan IV

16. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani pada 5 Ogos 1957.

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada penduduk Tanah Melayu?

- A. Mendapat hak untuk memerintah sendiri
- B. Mengukuhkan peranan pembesar Melayu
- C. Memantapkan sistem perundangan negeri
- D. Menamatkan sistem pemerintahan monarki

17. Maklumat berikut berkaitan reaksi Parti Negara terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Dato' Onn Jaafar telah menolak syarat kewarganegaraan yang longgar.

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

- A Pembentukan suruhanjaya
- B Membuat rundingan
- C Mengekalkan draf
- D Penganjuran kongres

18. Gambar menunjukkan pemasyhuran tarikh kemerdekaan negara di Padang Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peristiwa tersebut?

- I Kemerdekaan negara dalam genggaman
 - II Pembentukan sebuah negara berdaulat
 - III Pengekalan penguasaan kuasa asing
 - IV Perasaan perkauman semakin menebal
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19. Senarai berikut merupakan tokoh yang menyertai rundingan kemerdekaan.

- H.S Lee
- Dr Ismail Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussien

Apakah persamaan tokoh-tokoh tersebut?

- A Wakil Raja-raja Melayu
- B Wakil Parti Perikatan
- C Anggota Suruhanjaya Reid
- D Ahli Jawatankuasa Antara Kaum

20. Bagaimanakah seseorang dapat menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Membuat pilihan sendiri
 - II Mengemukakan tuntutan
 - III Penguatkuasaan undang-undang
 - IV Permohonan mendaftar sebagai rakyat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21. Rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan di London telah membincangkan beberapa isu. Apakah isu yang dibincangkan dalam rundingan tersebut?

- I Kerakyatan jus soli
 - II Mewujudkan pakatan murni
 - III Keselamatan negara
 - IV Hubungan British dan Tanah Melayu
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

22. Sebagai rakyat Malaysia, apakah iktibar yang boleh diambil daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A. Jujur dan amanah dalam perbuatan
- B. Menjaga kepentingan kaum masing-masing
- C. Bersikap tidak mudah berputus asa
- D. Muafakat dan bertolak ansur

23 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Reid pada 8 Mac 1956. Suruhanjaya Reid memulakan tugasnya pada Jun 1956.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Menyusun cadangan daripada Raja-raja di Tanah Melayu.
- B Merangka perlembagaan negara yang merdeka
- C Membincangkan kedudukan semua kaum
- D Melindungi kedudukan Ratu England

24 Apakah memorandum yang diterima daripada parti politik dan pihak awam?

- I Sistem pentadbiran
 - II Soal kewarganegaraan
 - III Bahasa dan pendidikan
 - IV Agama dan kepercayaan
- A I dan II
B I dan IV

C II dan III
D III dan IV

25. Gambar berikut menunjukkan ketibaan rombongan merdeka diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka.



Apakah peristiwa penting yang berlaku pada ketika itu?

- A Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
- B Penurunan bendera British Union Jack
- C Pemasyhuran Hari Kemerdekaan negara
- D Pembentukan Ahli Suruhanjaya Cobbold

26. Maklumat berikut berkaitan dengan cara pemberian kewarganegaraan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Cara Pemberian Kewarganegaraan

- Kuatkuasa undang-undang
- Permohonan
- X

Apakah X?

- A Pengecualian
- B Pemindahan
- C Naturalisasi

D Nasionalisme

27. Antara berikut, yang manakah merupakan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?

- I Kedudukan Raja Melayu dipelihara
 - II Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja
 - III Kepatuhan rakyat kepada amalan demokrasi berparlimen
 - IV Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

28. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957.

Mengapakah perjanjian ini penting kepada negara kita pada masa kini?

- A Menjaga kedaulatan negara
- B Menunjukkan permuafakatan
- C Menjadi asas perlembagaan negara
- D Mengukuhkan kedudukan pemimpin

29. Rajah menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.



Mengapakah Tunku Abdul Rahman menggunakan kapal laut dari Singapura ke Karachi?

- A Menyusun strategi berunding dengan British
- B Mengadakan pertemuan dengan Presiden India
- C Mendapatkan persetujuan wakil Pakistan
- D Mendapatkan sokongan negara serantau

30 Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merangka asas perlembagaan negara kita?

- I Mengambil kira semangat kenegerian
- II Menjalankan aktiviti menyebarkan luas maklumat
- III Mempertimbangkan isu kepelbagaian kaum
- IV Meneliti memorandum pelbagai pihak

- I dan II
- I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BAB 10. PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Mengapakah Bendera Union Jack telah diturunkan oleh Tahir Abdul Majid pada 31 Ogos 1957 ?

- A Penukaran bendera baharu
- B Tamatnya penjajahan British
- C Gagasan Malaysia diisytiharkan
- D Berakhirnya Pentadbiran Tentera British.

2. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu dikatakan memiliki prinsip kedaulatan ?

- I Pengiktirafan sebagai rakyat
 - II Memiliki lambang kebangsaan
 - III Menjalinkan hubungan antarabangsa
 - IV Perpaduan kalangan rakyat yang utuh
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D III dan IV

3. Apakah peranan jawatankuasa berikut ?

- Jawatankuasa Sambutan

- A Membina stadium dan istana
- B Menganjurkan kursus protokol
- C Mereka bentuk bendera kebangsaan
- D Menyediakan anggaran perbelanjaan

4. Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

- Bendera Union Jack diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

- A Mengiktiraf pembentukan kabinet pertama
- B Menandakan berakhirnya pentadbiran Britain
- C Memperakui kesahihan keputusan pilihan raya
- D Mengesahkan pelantikan Yang di-Pertuan Agong

5. Jadual berikut menunjukkan perubahan yang berlaku di negara kita.

Sebelum 31 Ogos 1957	Pada 31 Ogos 1957
Bendera Union Jack	Bendera Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Penamatan darurat
- B Proses berkerajaan sendiri
- C Pembentukan negara berdaulat
- D Pelaksanaan pilihan raya umum

6. Maklumat berikut berkaitan usaha pembangunan negara selepas merdeka.

- Rancangan Buku Merah
- Rancangan Malaya Pertama 1956-1960
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah persamaan rancangan pembangunan tersebut?

- A Memajukan luar bandar
- B Menggalakkan perdagangan
- C Menyusun semula masyarakat
- D Memperkemas sistem pemasaran

7. Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara.

Bagaimanakah generasi hari ini menghargai jasa mereka?

- A Menuntut pelbagai kemahiran
- B Mematuhi perundangan negara
- C Membangunkan ekonomi negara
- D Menyanjung pengorbanan mereka

8 Perjanjian Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) ditandatangani antara Persekutuan Tanah Melayu dan Britain pada tahun 1957.

Apakah manfaat perjanjian tersebut?

- A Memperkukuhkan ekonomi negara
- B Melindungi hak asasi manusia
- C Memperkukuhkan pertahanan
- D Meluaskan pasaran barangan

9. Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang terlibat dalam persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Menganjurkan kursus protokol
- Memberi gaji awal kepada pegawai kerajaan
- Menempah 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu

Apakah jawatankuasa tersebut?

- A Jawatankuasa Sambutan
- B Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- C Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka
- D Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka

10 Kemerdekaan yang diperoleh telah meninggalkan kesan dari aspek politik terhadap negara kita.

Apakah kesan tersebut?

- A Menubuhkan Jabatan Penerangan
- B Menyertai pertubuhan Komanwel
- C Melancarkan Rancangan Buku Merah
- D Melaksanakan sistem Demokrasi Berparlimen

11. Pasangan manakah yang betul berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara 1957?

	Jawatankuasa Persediaan Fizikal	Jawatankuasa Sambutan
A	Menyediakan pakaian khas	Mencadangkan lagu kebangsaan
B	Membina stadium	Menganjurkan kursus protokol
C	Memberi gaji awal	Memilih bunga kebangsaan
D	Menempah bendera	Membina istana negara

12 Kerajaan Persekutuan telah mengedarkan Buku Merah ke seluruh negara.

Kerajaan mengedarkan buku tersebut sebagai panduan

- A melaksanakan pertanian selepas merdeka
- B memantau perkembangan kemudahan asas
- C menyediakan pelan perniagaan komprehensif
- D mengenalpasti dakyah komunis di Tanah Melayu

13. Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian kemerdekaan oleh seorang tokoh negarawan.

- Bebas selama-lamanya.
- Merangkumi kebebasan berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik

Siapakah tokoh yang tersebut?

- A Soekarno
- B Mahatma Ghandi
- C Tun Fuad Stephens
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

14 Apakah sistem pemerintahan di negara kita yang memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin?

- A Sistem Monarki
- B Prinsip Teokrasi
- C Raja Berperlembagaan
- D Demokrasi Berparlimen

15. Antara yang berikut, yang manakah lambang negara Malaysia?

- I. Wau
 - II. Keris
 - III. Jata Negara
 - IV. Lagu Kebangsaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

16. Apakah kesan langsung kemerdekaan terhadap sistem pemerintahan negara?

- A. Memajukan teknologi komunikasi
- B. Mengurangkan kadar pengangguran
- C. Memperkenalkan sistem demokrasi
- D. Meningkatkan taraf pendidikan rakyat

17. Maklumat berikut berkaitan peranan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memeriahkan sambutan pemasyhuran kemerdekaan.

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

- Pembinaan stadium
- Pembinaan istana
- X

Apakah X?

- A Penganjuran kursus protokol
- B Pembinaan pintu gerbang
- C Penciptaan baju muskat

D Penciptaan lagu kebangsaan

18 . Apakah tujuan pengenalan Rancangan Buku Merah pada tahun 1961 selepas negara mencapai kemerdekaan?

- A Mengawal kemasukan imigran luar
- B Menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan
- C Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
- D Memantau kecekapan pengurusan syarikat

19 Menjelang pemasyhuran kemerdekaan, pegawai kerajaan dikehendaki menjalani kursus khas berkaitan dengan protokol. Mengapakah kursus tersebut diadakan?

- A Memeriahkan sambutan
- B Memahami sejarah tanah air
- C Mengiringi pegawai jemputan luar negara
- D Memastikan majlis pemasyhuran berjalan lancar

20. Gambar berikut merupakan Jata Negara 1957. Apakah kepentingan lambang tersebut?



- A Simbol perpaduan rakyat
- B Lambang keagungan raja
- C Warisan kegemilangan bangsa
- D Lambang pemodenan negara

21. Berikut merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menjayakan sambutan kemerdekaan negara.

Jawatankuasa Fizikal

X


Apakah X?

- A. Jawatankuasa Perayaan
- B. Jawatankuasa Kemerdekaan
- C. Jawatankuasa Sambutan
- D. Jawatankuasa Pelancaran

22. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kerajaan pada hari ini dapat menjalankan pentadbiran negara dengan baik?

- A. Pembahagian kuasa
- B. Memilih pemimpin yang berwibawa
- C. Mengamalkan hubungan diplomatik dengan negara luar
- D. Bersikap adil dan saksama

23. Apakah perjuangan tokoh berikut terhadap pembebasan rakyat India



Mahatma Gandhi

- A Penindasan kerajaan
- B Penindasan kasta
- C Persamaan kaum
- D Perbezaan kerja

24. Sebuah jawatankuasa ditubuhkan bertujuan menonjolkan identiti negara sebagai sebuah negara merdeka.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal

Siapakah yang mencadangkan sebuah lagu kebangsaan dicipta sebagai lagu rasmi negara?

- A H.S. Lee
- B Dato' Abdul Razak
- C Yaacob Abdul Latiff
- D Tunku Abdul Rahman

25. Apakah takrifan kemerdekaan menurut Kamus Dewan?

- A Perjuangan politik
- B Pembentukan negara
- C Berkorban untuk negara
- D Bebas daripada penjajahan

26 Gambar berikut merupakan lambang kebangsaan Malaysia.



Mengapakah lambang tersebut diwujudkan?

- I Lambang jati diri
 - II Simbol kemegahan
 - III Lambang kedaulatan
 - IV Simbol perpaduan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


27 Maklumat berikut berkaitan dengan penyertaan negara kita dalam pertubuhan antarabangsa.

17 September 1957	Persekutuan Tanah Melayu diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
-------------------	--

Apakah bukti kemerdekaan negara kita diiktiraf oleh pertubuhan tersebut?

- A Bantuan memerangi ancaman komunis
- B Terlibat dalam misi pasukan pengaman
- C Sumbangan membuka petempatan baharu
- D Bantuan teknikal dalam bidang pentadbiran

28. Gambar 4 berikut merupakan lambang-lambang negara Malaysia.



Gambar 4

Mengapakah lambang-lambang di atas dibentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara?

- A Membuktikan kegigihan
- B Lambang keagungan
- C Simbol kegemilangan
- D Identiti kenegaraan

29. Apakah kementerian yang meninjau pendapat rakyat mengenai bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan?

- A Kementerian Buruh
- B Kementerian Pertanian
- C Kementerian Pelajaran
- D Kementerian Dalam Negeri

30. Apakah bukti yang menunjukkan negara kita bebas daripada penjajahan British?

- A Pemilihan Jata Negara
- B Penciptaan lagu Negaraku
- C Bendera Union Jack diturunkan
- D Rombongan kemerdekaan ke London

- SOALAN TAMAT -